

JIKA UMAT ISLAM MAHU MAJU

PM: Jangan

asingkan diri

BM - 7 FEB 1988

KUALA LUMPUR, Sabtu

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam yang ingin maju tanpa menjejaskan agamanya mesti pandai bergerak dalam masyarakat berbilang bangsa seperti di negara ini.

Perdana Menteri menegaskan mengasingkan diri daripada orang bukan Islam bukan caranya untuk maju.

Berucap melancarkan Yayasan Nadwah Akademi Islam (Nadi) Berhad di Pusat Islam di sini hari ini, beliau berkata di Malaysia, hakikat yang perlu diterima oleh umat Islam ialah mereka hidup dalam masyarakat berbilang bangsa dan agama.

"Mahu tidak mahu kita terpaksa bergaul dengan orang bukan Islam," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir bagaimanapun sedih kerana ada orang Islam terpelajar tidak bercampur langsung dengan orang daripada agama lain.

"Ini membentuk sikap yang tidak sesuai dengan keadaan sebenar dalam masyarakat Malaysia. Segala rancangan dan pendekatan yang dibuat tidak akan berhasil jika tidak mengambil kira keadaan sebenar," tegasnya.

Belliau mahu cara orang Islam berinteraksi dengan orang beragama lain diberi perhatian. "Perhubungan yang baik dan mesra perlu dikekalkan antara orang Islam dan bukan Islam bagi menjamin keamanan di negara ini sebagaimana dituntut oleh agama Islam," tegasnya.

Perdana Menteri memuji ulama di negara ini kerana menyumbangkan tenaga dan berusaha mengukuhkan akidah serta keimanan di kalangan umat Islam.

Faham memahami

Bagaimanapun, katanya, tidak ramai yang mendedahkan diri mereka dengan orang bukan Islam sekurang-kurangnya bagi memastikan Islam tidak disalahertikan.

Datuk Seri Dr Mahathir mengingatkan bahawa kini wujud perasaan syak wasangka yang tidak seharusnya wujud jika orang Islam dan rakan-rakan bukan Islam saling faham memahami mengenai adat istiadat dan cara hidup masing-masing.

"Saya sedar bukanlah mudah untuk kita menjalinkan perasaan saling faham-memahami tetapi dengan usaha yang diredai Ilahi dan niat yang ikhlas, insya-Allah kita akan dapat menjalinkan perasaan itu.

"Jika iman kita kukuh, tidak harus risau bahawa iktikad kita akan tergugat," tegasnya.

Terdahulu itu, beliau meminta cerdik pandai Islam membuktikan kata sepakat, kerjasama dan persaudaraan yang mencerminkan falsafah Islam.

Menurutnya mereka dan orang Islam perlu menjalinkan kegiatan politik, ekonomi dan sosial yang bukan saja boleh berjaya tetapi nyata berjaya.

Perdana Menteri juga menegaskan perlunya umat Islam bersikap amanah dan jujur serta tidak membatikan diri dengan jenis perniagaan yang diharamkan oleh Islam.

Mengenai penubuhan yayasan itu, beliau berkata penubuhannya tepat pada masanya kerana masyarakat negara ini amat memerlukan kegiatan yang memberi kefahaman Islam kepada orang ramai.